

Kebersihan tandas awam cerminan tamadun S'pura

ANAK PASCA
MERDEKA
MOHD NOOR
A. RAHMAN



noorar@sph.com.sg

KEPALA saya mengganggu laju apabila seorang pegawai Persatuan Tandas Singapura (RAS) baru-baru ini berkata:

"Singapura mampu menganjurkan pertandingan Formula Satu (F1) bertaraf dunia, tetapi tidak mampu menjaga kebersihan tandasnya!"

Suka atau tidak, begitu tepat sekali kenyataan tersebut.

Negara kita maju dan makmur, namun dalam aspek menjaga kebersihan tandas awam, kita mundur dan terkebelakang.

Sebenarnya, saya begitu bimbang sekali jika perlu buang air besar atau kecil di pusat makanan atau kedai kopi setempat. Selalunya, deria pandangan dan bau saya bak terseksa dengan perkara yang 'menggerunkan' di tandas.

Maaf kata, kadang-kadang air kencing bersempit tidak dibersihkan, dan kadangkala juga najis 'terumbang-ambing' kerana tandas tidak dipam. Menjijikkan!

Pengalaman ini begitu memualkan sehingga kadangkala perut tidak mahu lagi menyahut seruan alam. Namun sering kali juga, terpaksa saya menempuh 'penyelesaian' itu kerana sakit perut tidak dapat ditahan lagi.

Sering saya tertanya, apakah memang kita tidak tahu atau tidak mahu menjaga tandas awam kita? Apakah tabiat ini kita amalkan di rumah kita sendiri?

Apakah begitu sukar untuk kita mengepam tandas atau mengambil tisu dan membersihkan 'sisa-sisa' kita sendiri dan membersihkan tempat duduk tandas yang baru kita gunakan?

Mungkin ada kalangan kita yang terlalu geli sehingga tak mampu bersihkan 'sisa-sisa' kita sendiri. Alahai.

Satu pengajaran penting yang saya raih dalam perkara kebersihan tandas ini adalah semasa menyertai program lawatan ke New Zealand anjuran pihak Travelways sekitar 10 tahun lalu.

Apabila saya tanya kenapa tandas di negara itu banyak yang bersih-bersih, seorang pemilik restoran menjawab:

"Kita bersihkannya sebagaimana ia bersih sebelum kita menggunakannya. Itu sahaja."

Ringkas tetapi bermakna sekali.

Sepanjang perjalanan saya di negara itu, hampir kesemua tandas awamnya boleh dikatakan bersih dan ini termasuk tandas awam di tepi pantai, restoran dan taman negara.

Dari tempat mana saya datang (Singapura), keadaan ini agak menakutkan!

Mungkin ada yang menyatakan New Zealand negara maju dan rakyatnya mempunyai sikap sivik yang tinggi. Namun Singapura juga sebuah negara maju.

Beberapa tahun lalu, saya berpeluang melawat wilayah Chiang Mai dan Chiang Rai di utara Thailand – sebuah negara membangun.

Di sana juga saya bimbang jika perlu selalu ke tandas awam memandangkan makanan Thai pedas atau banyak rempah-ratusnya.

Dan kerana begitu asyik menghirup sup tomyam dan makanan lain yang berempah, akhirnya seruan alam ke tandas cuma menunggu masa sahaja.

Namun kekhuatiran saya lenyap apabila melangkah masuk ke tandas sebuah restoran kecil di tepi jalan. Tandasnya bersih.

Saya berfikir mungkin kebersihan tandas ini adalah kes terpercik. Sekali lagi sangkaan saya meleset apabila keadaan bersih yang sama dilihat pada tandas-tandas awam di tempat seperti restoran, pusat makan, pasar malam dan sebagainya.

Pemandu pelancong Thai saya tersenyum lebar apabila mendengar luahan rasa 'takjub' saya akan kebersihan tandas awam di Thailand.

Beliau menjelaskan agak lumrah bagi orang Thai menjaga kebersihan tandas.

Malah beliau agak terkejut apabila saya menyatakan agak sukar mencari tandas awam yang bersih di Singapura kerana beliau menganggap Singapura – sebagai negara maju dan mewah – pastinya memiliki tandas awam yang bersih.

Apakah pasti, di kalangan warga Singapura, masih tidak ramai yang membersihkan tempat tandas selepas menggunakannya.

Mentelah sekarang banyak tandas mempunyai sistem pengepam automatik. Jadi tidak perlulah si pengguna mengepam tandas. Sudah selesai pakai terus keluar.

Justeru, amalan membersihkan atau mengeringkan tempat duduk tandas tidak disemai dan akhirnya banyak tempat duduk tandas selalunya basah untuk digunakan pengguna seterusnya.

Dan jika pam automatik itu rosak bagaimana pula? Selalunya keadaan tandas jadi amat memualkan!

Sebab itu juga, kerap berlaku tandas punya label OK tetapi keadaan kebersihannya begitu KO sekali.

Bagi saya, biarlah perlu bayar 10 atau 20 sen, atau 50 sen sekalipun, tetapi tandasnya bersih dan selesa digunakan (walaupun sering juga berlaku pengguna dikenakan bayaran tetapi tandasnya masih kotor).

Pelbagai kempen dan skim kebersihan telah dilaksanakan namun tahap kebersihan tandas awam di sini masih tidak banyak berubah. Malah langkah mengenankan saman juga didapati tidak banyak membantu.

Apakah yang termampu kita lakukan adalah terus menyedarkan orang ramai akan tanggungjawab mereka membersihkan tandas setiap kali menggunakannya. Jika kita mahukan tandas bersih, kita juga perlu ambil tahu untuk bersihkan tandas.

Jika setiap orang dapat memulakan langkah kecil membersihkan tandas ini, pastinya tandas awam di sini akan mampu bersih sepanjang hari.

Di kalangan pengguna Muslim pula, apa yang dimahukan adalah tandas awam dilengkapi alat membantu kita beristinjak seperti hos air.

Sekurang-kurangnya, adakan dua tiga tandas yang mempunyai alat itu dalam satu-satu bangunan, seperti yang disediakan di bangunan tempat kerja saya.

Sementara itu, terdapat empat tandas berkelas lima bintang di beberapa pasar setempat yang diiktiraf RAS.

Sebagai penghargaan, saya ketengahkan lokasi tandas itu: Blok 209, Hougang Street 21; Blok 160/162 Ang Mo Kio Avenue 4; Blok 137 Tampines Street 11; dan Blok 630 Bedok Reservoir Road.

Syabas kepada pengendali tandas awam ini dan diharap dijadikan contoh baik kepada pengendali tandas awam lain.

Dalam kajian mengenai tamadun atau peradaban dunia, kebersihan termasuk tandas awam menjadi cerminannya. Singapura sudah berubah daripada negara Dunia Ketiga kepada Pertama. Jika kita gagal mempunyai tandas awam bersih menerusi usaha pengendali sehingga menjadi tabiat 'tertib' orang ramai, kita belum boleh dipanggil negara maju.

Akhir kata, harapan besar saya ialah sebaik mana kita anjurkan F1, sebaik itu jugalah kita mampu menjaga kebersihan tandas awam kita. Bolehkan?

9 Dalam kajian mengenai tamadun atau peradaban dunia, kebersihan termasuk tandas awam menjadi cerminannya. Singapura sudah berubah daripada negara Dunia Ketiga kepada Pertama. Jika kita gagal mempunyai tandas awam bersih menerusi usaha pengendali sehingga menjadi tabiat 'tertib' orang ramai, kita belum boleh dipanggil negara maju.
— Penulis.